

# Acara lelayang tingkat kesedaran golongan sindrom down



TAMAN Bishan-Ang Mo Kio diwarnai layang-layang berwarna-warni dengan pelbagai bentuk sebagai sebahagian karnival bagi menyambut ulang tahun ke-20 Persatuan Sindrom Down (DSA) Singapura semalam.

Antara acara yang dianjurkan termasuk usaha memecah rekod dengan jumlah orang teramai memasang layang-layang bersama.

Usaha yang kini tercatat dalam Buku Rekod Singapura (SBOR) itu menyatukan 668 orang

termasuk anggota DSA, pelajar, penduduk anggota kumpulan masyarakat, relawan dan rakan kerja DSA.

Menurut DSA, usaha itu juga diharap dapat menggalak masyarakat menerima dan mengharga golongan istimewa.

Antara peserta acara itu termasuk Cik Ratna Mohamed Zain, 58 tahun, dan anaknya Nadhrah Daud, 20 tahun, yang telah menyertai DSA sejak 2005.

## KARNIVAL DSA:

Cik Ratna (*kiri*) bersama anaknya, Cik Nadhrah Daud, dan temannya, Encik Ahmad Salim, bermain layang-layang di karnival DSA semalam. — Foto JOHARI RAHMAT